



PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN NEGERI PAHANG

**KENYATAAN SEBUT HARGA
NO. SEBUTHARGA : PKPP/SH/71/2026**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang yang berkaitan bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

BUTIR-BUTIR TAWARAN	TAKLIMAT/ LAWATAN TAPAK	TEMPAT DOKUMEN DIPEROLEH	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
<p>KERJA-KERJA PEMBINAAN DAN PEMBEKALAN INFRASTRUKTUR SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN BAGI TERNAKAN LEMBU INTEGRASI DI LADANG LEPAR BESAR, PEKAN, PAHANG DARUL MAKMUR.</p> <p>Taraf/Jenis Syarikat* : Bumiputera/T1</p> <p>Berdaftar dengan LPIPM (CIDB) Gred : G2 Kategori : B / CE / ME</p> <p>Skop Tugas :</p> <p>i) Kerja-kerja Awalan;</p> <p>ii) Kerja-kerja Pembinaan Kandang Cerlong, Platform Dan Pagar ; dan</p> <p>iii) Kerja-kerja Penyediaan Palong Makanan, Tangki Air, Dan Lain-lain Peralatan Yang Berkaitan.</p>	<p>Lawatan tapak dan sesi taklimat adalah DIWAJIBKAN. Tarikh : 5 Jun 2026 (Jumaat) Masa : 11.00 pagi Tempat : Kompleks LCSB Lepar, KM 43 ½, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Pahang Darul Makmur.</p> <p>Pegawai untuk dihubungi : Encik Mohd Faizi bin Zainudin (09-556 2455)</p>	<p>Bahagian Kewangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP) RM50.00 (Tidak akan dikembalikan)</p> <p>Mulai 5 Jun 2026 (Jumaat) Hingga 16 Jun 2026 (Selasa)</p> <p>Isnin – Khamis 9.00 pagi – 1.00 tengah hari 2.30 petang – 4.30 petang</p> <p>Jumaat 9.00 pagi – 12.00 tengah hari 3.00 petang – 4.30 petang</p>	<p>Tarikh Tutup: 16 Jun 2026 (Selasa)</p> <p>Masa: 12.00 tengah hari</p>

- Pembayaran bagi pembelian borang sebut harga hanya boleh dilakukan secara atas talian sahaja ke akaun **PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN NEGERI PAHANG : Bank Islam Malaysia Berhad 0601 9010 0069 02**.
- Pembeli hendaklah menyertakan bersama-sama deposit sebut harga sebanyak **RM5,000.00 (dalam bentuk draf bank)** atas nama **Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang** semasa menghantar dokumen sebut harga (deposit akan dikembalikan kepada penyebut harga yang tidak berjaya).
- Dokumen sebut harga yang telah lengkap dipenuhi dan dilakri ditulis "**SEBUT HARGA PKPP/SH/71/2026**" di sebelah kiri atas sampul surat hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** yang disediakan di alamat:

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN NEGERI PAHANG
JALAN GAMBUT, 25990
KUANTAN, PAHANG.
(U.P.: PENGURUS KEWANGAN)**

Pada atau sebelum tarikh dan masa tutup sebut harga.

- Dokumen sebut harga yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
- PKPP tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah ataupun lain-lain tawaran yang dikemukakan tanpa sebarang sebab. Pihak PKPP juga tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat kesilapan semasa mengemukakan tawaran harga disebabkan oleh kecuaiannya.

Bertarikh: 29 Mei 2026